



5 Jun 2014
5 June 2014
P.U. (A) 154

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) (NO. 2) 2014

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2)
(AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN)
(NO. 2) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) (No. 2) 2014**.

(2) Kecuali bagi subsubperenggan 2(a)(iii), 2(a)(x), 2(c)(i), 2(c)(ii) dan 2(c)(iii), Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2013.

(3) Subsubperenggan 2(a)(iii), 2(a)(x), 2(c)(i), 2(c)(ii) dan 2(c)(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Julai 2013.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [P.U. (A) 184/2013] dipinda—

(a) berkenaan dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia—

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan dalam ruang “*Styles and Titles*” dan “*Departments*” selepas perkataan “Deputy Minister of Home Affairs” dengan perkataan yang berikut:

“Minister of
Communications and
Multimedia

Ministry of Communications
and Multimedia:

Deputy Minister of
Communications and
Multimedia”;

- (ii) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersebelahan dengan perkataan "Kementerian Komunikasi dan Multimedia" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan yang berikut:

"Kementerian
Komunikasi dan
Multimedia:

Penyiar dan pemberi maklumat
rasmi Kerajaan

Pengurusan maklumat dan
media massa Kerajaan

Kelulusan bahan promosi dan
mesej Kerajaan

Iklan komersial di radio dan
televisyen Kerajaan

Hubungan antarabangsa dua
hala, pelbagai hala dan
kerjasama dengan pertubuhan
antarabangsa dalam bidang
komunikasi dan multimedia
termasuk penerangan,
penyiaran, perfileman,
telekomunikasi, hal ehwal pos,
perlindungan data peribadi,
kandungan kreatif dan ICT

Penyiaran Kerajaan termasuk
kandungan, peluasan dan
penambahan keperluan siaran

Penentuan pihak-pihak untuk
mewakili kepentingan Kerajaan
untuk mengendalikan
perkhidmatan dan kemudahan
penyiaran Kerajaan

Pemantauan penyiaran radio
luar negara bagi maksud
Kerajaan

Pemantauan kandungan siaran
berita televisyen tempatan dan
luar negara bagi maksud
Kerajaan

Penggubalan, penyelarasan dan pelaksanaan objektif dasar-dasar negara mengenai industri komunikasi dan multimedia

Penggubalan dan pelaksanaan dasar negara mengenai keselamatan, perlindungan keselamatan, integriti dan kebolehpercayaan perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi komunikasi

Penggubalan dasar negara mengenai penggunaan dan penguntukan spektrum komunikasi

Penggubalan dan pelaksanaan dasar negara mengenai pemberian perkhidmatan sejagat dan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat

Merancang dan membangunkan strategi-strategi bagi industri komunikasi

Mewujudkan rangka kerja pelesenan dan pengawalseliaan bagi industri komunikasi

Menggalakkan kemajuan keupayaan dan kecekapan bagi industri percantuman komunikasi

Pelesenan kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi dan perkhidmatan aplikasi kandungan

Penubuhan dan pengendalian Tribunal Rayuan bagi industri komunikasi

Penggubalan dan pelaksanaan dasar negara mengenai industri

perkhidmatan pos di bawah
Akta Perkhidmatan Pos 2012

Merancang dan melaksanakan
strategi-strategi bagi
pembangunan industri
perkhidmatan pos

Penstrukturan tarif pos

Pelesenan perkhidmatan pos

Mengawal selia aspek operasi,
pengurusan dan kewangan
Suruhanjaya Komunikasi dan
Multimedia di bawah
Akta Komunikasi dan
Multimedia 1998 dan Akta
Suruhanjaya Komunikasi dan
Multimedia Malaysia 1998

Mewujudkan masyarakat
bermaklumat

Merancang, mengurus dan
melaksanakan sambutan Hari
Kemerdekaan Negara dan
sambutan Hari Malaysia serta
aktiviti-aktiviti yang berkaitan
dengannya

Penggubalan dan pelaksanaan
dasar negara mengenai
perlindungan data peribadi di
bawah Akta Perlindungan Data
Peribadi 2010

Penggubalan dan pelaksanaan
dasar industri kreatif negara

Merancang dan membangunkan
strategi-strategi bagi dasar
industri kreatif negara

Penggubalan, pemantauan dan
penyelarasan pelaksanaan dasar
negara mengenai teknologi
maklumat dan komunikasi (ICT)

Penggalakan penggunaan ICT di kalangan masyarakat

Urus setia bagi Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC”);

- (iii) dengan menggantikan perkataan “Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK)” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*” dengan perkataan yang berikut:

“Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)

Mengumpul dan menganalisis semua maklumat termasuk maklumat sosiopolitik, agama dan yang ada hubungan dengan kestabilan, perpaduan dan keselamatan negara

Penyampai utama (*key communicator*) antara pemimpin dengan rakyat dalam hubungan timbal balik (*reciprocity*) bagi membantu Kerajaan dan rakyat mendapat maklumat yang benar dan adil dalam membuat keputusan-keputusan penting negara

Membantu proses pendidikan untuk rakyat yang berinformatif serta memiliki nilai-nilai sosial yang perlu dalam pembentukan sebuah negara maju dengan semangat patriotik yang berterusan”;

- (iv) dengan memotong perkataan “Jabatan Filem Negara” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*”;
- (v) dengan menggantikan perkataan “Penguatkuasaan, penyeliaan dan pengawalseliaan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

Malaysia 1998, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perkhidmatan Pos 1991 dan Akta Tandatangan Digital 1997” dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersempena dengan perkataan “Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan “Penguatkuasaan, penyeliaan dan pengawalseliaan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perkhidmatan Pos 2012 dan Akta Tandatangan Digital 1997”;

- (vi) dengan memasukkan dalam ruang “*Perkara*” selepas perkataan “Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981” yang terdapat bersempena dengan perkataan “Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan yang berikut:

“Penerbitan dan pengedaran filem/video;

Penerbitan rakaman liputan peristiwa bagi maksud arkib;

Perkhidmatan perfileman bagi maksud Kerajaan”;

- (vii) dengan menggantikan perkataan “Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersempena dengannya dalam ruang “*Perkara*” dengan perkataan yang berikut:

“Unit Urus setia
Jawatankuasa PUSPAL

Urus setia kepada Jawatankuasa
Agensi Pusat untuk permohonan
penggambaran filem dan
persembahan artis luar negara di
Malaysia”;

- (viii) dengan menggantikan perkataan “Mengawal selia pemprosesan data peribadi dan menguatkuasakan undang-undang perlindungan data peribadi demi meningkatkan keyakinan pengguna dalam transaksi komersial di Malaysia” dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat berseketentangan dengan perkataan “Jabatan Perlindungan Data Peribadi” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan “Penguatkuasaan, penyeliaan dan pengawalseliaan aktiviti-aktiviti di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010”; dan
- (ix) dengan menggantikan semua perkataan yang terdapat dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Jabatan Perlindungan Data Peribadi” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“Pusat Rangkaian
Maklumat
Malaysia (MyNIC)

Pentadbir tunggal untuk
alamat web yang berakhir
dengan “.my” di Malaysia
(*country code Top Level Domain*)

Mentadbir dan
menyelenggara laman
kategori nama domain iaitu
.my, .com.my, .org.my,
.net.my, .edu.my, .gov.my,
.mil.my dan .name.my serta
beroperasi sebagai pejabat
pendaftaran nama domain

Perbadanan Kemajuan
Multimedia [MDeC]

Membangun,
mengkoordinasi dan
mempromosi ekonomi
digital, industri teknologi
informasi dan komunikasi
(ICT) di Malaysia serta
penggunaan ICT secara
meluas di Malaysia”;

(b) berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani—

- (i) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersebelahan dengan perkataan “Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan yang berikut:

“Menggubal, merancang dan melaksanakan Dasar Agromakanan Negara

Penilaian dan pemantauan program-program dan projek-projek Industri Asas Tani

Penggalakan pelaburan, pembangunan perniagaan dan penswastan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)

Rundingan perdagangan dan kerjasama pelbagai hala, serantau dan dua hala mengenai pertanian

Mengawal selia industri padi dan beras di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan Peraturan-Peraturan Perlu (Kawalan Bekalan Beras) 1974

Pengairan dan saliran pertanian

Pengurusan Taman Botani Shah Alam”; dan

- (ii) dengan memasukkan dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Jabatan Perkhidmatan Veterinar” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Melaksanakan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa di bawah Akta Perkhidmatan dan Pemeriksaan Malaysia 2011”; dan

(c) berkenaan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi—

- (i) dengan memotong perkataan “Penggubalan, pemantauan dan penyelarasan pelaksanaan dasar negara mengenai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)” dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersebelahan dengan perkataan “Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi” dalam ruang “*Jabatan*”;
- (ii) dengan memotong perkataan “Penggalakan penggunaan ICT di kalangan masyarakat” dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersebelahan dengan perkataan “Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi” dalam ruang “*Jabatan*”;
- (iii) dengan memotong perkataan “Urus setia bagi Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC)” dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersebelahan dengan perkataan “Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi” dalam ruang “*Jabatan*”;
- (iv) dengan menggantikan perkataan “Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan “Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)”; dan
- (v) dalam teks bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Agensi Angkasa Malaysia (ANGKASA)” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan “Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)”.

Dibuat 30 Mei 2014
[PM(BK)R. 11456/13 Jld. 54; PN(PU2)18/XXV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Setiausaha Jemaah Menteri

MINISTERIAL FUNCTIONS ACT 1969

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) (AMENDMENT)
(NO. 2) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Ministerial Functions Act 1969 [Act 2], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Ministers of the Federal Government (No. 2) (Amendment) (No. 2) Order 2014**.

(2) Except for subsubparagraphs 2(a)(iii), 2(a)(x), 2(c)(i), 2(c)(ii) and 2(c)(iii), this Order is deemed to have come into operation on 16 May 2013.

(3) Subsubparagraphs 2(a)(iii), 2(a)(x), 2(c)(i), 2(c)(ii) and 2(c)(iii) are deemed to have come into operation on 12 July 2013.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Ministers of the Federal Government Order (No. 2) 2013 [P.U. (A) 184/2013] is amended—

(a) in respect of the Ministry of Communications and Multimedia—

(i) in the English language text, by substituting the words in the “*Styles and Titles*” and “*Departments*” columns after the words “Deputy Minister of Home Affairs” the following words:

“Minister of
Communications and
Multimedia

Ministry of Communications
and Multimedia:

Deputy Minister of
Communications and
Multimedia”;

- (ii) by substituting for all the words in the “*Subjects*” column appearing against the words “Ministry of Communications and Multimedia” in the “*Departments*” column the following words:

“Ministry of
Communications and
Multimedia:

Official Government
broadcaster and information
provider

Management of Government
information and mass media

Approval of Government
promotional material and
messages

Commercial advertisements
over Government radio and
television

Bilateral and multilateral
relations and cooperation
with international
organisation in
communications and
multimedia including
information, broadcasting,
films, telecommunications,
postal affairs, personal data
protection, creative content
and ICT

Government broadcasting,
including content, expansion
and increase of broadcasting
needs

Determination of parties to
represent the Government’s
interest to operate
Government broadcasting
services and facilities

Monitoring of overseas radio
broadcasts for Government
purposes

Monitoring of international and local television news content for Government purposes

Formulation, coordination and implementation of national policy objectives on communications and multimedia industries

Formulation and implementation of national policy on safety, security protection, integrity and reliability of communications network and applications services

Formulation of national policy on usage and allocation of communications spectrum

Formulation and implementation of national policy on universal service provision and Universal Service Provision Fund

Planning and developing strategies for the communications industry

Establishment of licensing and regulatory framework for the communications industry

Promoting the development of capabilities and skills for the communications convergence industries

Licensing of network facilities, network services, applications services and content applications services

Establishment and operation of Appeal Tribunal for the communications industry

Formulation and implementation of the national policy on the postal services industry under the Postal Services Act 2012

Planning and implementation of strategies for the development of the postal services industry

Structuring of postal tariffs

Licensing of postal services

Regulating the operation, management and financial aspects of the Malaysian Communications and Multimedia Commission under the Communications and Multimedia Act 1998 and the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998

To create an informed society

Planning, managing and implementing the National Independence Day celebration and the Malaysia Day celebration and its related activities

Formulation and implementation of national policy on personal data protection under the Personal Data Protection Act 2010

Formulation and implementation of national policy on creative industry

Planning and developing strategies for national policy on creative industry

Formulating, monitoring and coordinating the implementation of national policies on information and communications technology (ICT)

Promoting the use of ICT amongst the society

Secretariat for the National Information Technology Council (NITC”;

- (iii) by substituting for the words “Special Affairs Department (JHEK)” in the “*Departments*” column and all words appearing against it in the “*Subjects*” column the following words:

“Special Affairs
Department
(JASA)

Collect and analyse all information including socio-political, religion and other information relating to stability, unity and national security

Key communicator between the leaders and the people in a reciprocal relationship in assisting the Government in obtaining factual and fair information for the purpose of making key decisions for the nation

Assist in the education process for well-informed people and possessing social values necessary for the formation of a developed nation with a continuous spirit of patriotism”;

- (iv) by deleting the words “National Film Department” in the “*Departments*” column and all words appearing against it in the “*Subjects*” column;

- (v) by substituting for the words “Enforcement, supervision and regulation of communications and multimedia activities under the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998, Communications and Multimedia Act 1998, Postal Services Act 1991 and Digital Signature Act 1997” in the “*Subjects*” column appearing against the words “Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)” in the “*Departments*” column the words “Enforcement, supervision and regulation of communications and multimedia activities under the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998, Communications and Multimedia Act 1998, Postal Services Act 2012 and Digital Signature Act 1997”;

- (vi) by inserting in the “*Subjects*” column after the words “Performing functions and exercising powers under the National Film Development Corporation Act 1981” appearing against the words “Malaysia National Film Development Corporation (FINAS)” in the “*Departments*” column the following words:
 - “Publication and distribution of film/video;

 - Publication of recorded coverage of events for archive purposes;

 - Film services for Government purposes”;

- (vii) by substituting for the words “Department of Licensing and Enforcement” in the “*Departments*” column and all words appearing against it in the “*Subjects*” column the following words:

“Secretariat Unit to PUSPAL Committee	to Secretariat to the Central Agency Committee for the application for film making and performance of foreign artists in Malaysia”;
---------------------------------------	---

(viii) by substituting the words “Regulating personal data processing and enforcing the laws on personal data protection to increase the users’ confidence in commercial transactions in Malaysia” in the “*Subjects*” column appearing against the words “Department of Personal Data Protection” in the “*Departments*” column the words “Enforcement, supervision and regulation of activities under the Personal Data Protection Act 2010”; and

(ix) by inserting in the “*Departments*” and “*Subjects*” columns after the words “Department of Personal Data Protection” in the “*Departments*” column the following words:

“Malaysia Network Information Centre (MyNIC)	Sole administrator for web addresses ending with “.my” in Malaysia (country code Top Level Domain)
--	--

Administers and maintains eight categories of domain which are .my, .com.my, .org.my, .net.my, .edu.my, .gov.my, .mil.my and .name.my and operates as the national registry for domain names

Multimedia Development Corporation (MDeC)	Develop, coordinate and promote Malaysia’s digital economy, information and communication technology (ICT) industry and the extensive use of ICT in Malaysia”;
---	--

(b) in respect of the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry—

- (i) by substituting for all the words in the “*Subjects*” column appearing against the words “Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry” in the “*Departments*” column the following words:

“To formulate, plan and implement the National Agrofood Policy

Evaluation and supervision of programmes and projects of the Agro-Based Industries

Promotion of investments, business development and privatization of the Integrated Agricultural Development Area (IADA)

Multilateral, regional and bilateral trade negotiation and co-operation on agriculture

To regulate the padi and rice industry under the Control of Padi and Rice Act 1994 and the Essential (Control of Supply of Rice) Regulations 1974

Agricultural irrigation and drainage

Management of Shah Alam Botanical Park”; and

- (ii) by inserting in the “*Departments*” and “*Subjects*” columns after the words “Department of Veterinary Services” in the “*Departments*” column the following words:

“Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)	Performs the functions and exercises the powers under the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011”; and
--	---

(c) in respect of the Ministry of Science, Technology and Innovation—

- (i) by deleting the words “Formulating, monitoring and co-ordinating the implementation of national policies on information and communication technology (ICT)” in the “*Subjects*” column appearing against the words “Ministry of Science, Technology and Innovation” in the “*Departments*” column;
- (ii) by deleting the words “Promoting the use of ICT in society” in the “*Subjects*” column appearing against the words “Ministry of Science, Technology and Innovation” in the “*Departments*” column;
- (iii) by deleting the words “Secretariat for National Information Technology Council (NITC)” in the “*Subjects*” column appearing against the words “Ministry of Science, Technology and Innovation” in the “*Departments*” column;
- (iv) by substituting for the words “Malaysian Meteorological Department (MMD)” in the “*Departments*” column the words “Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia)”; and
- (v) in the National language text, by substituting for the words “Agensi Angkasa Malaysia (ANGKASA)” in the “*Jabatan*” column the words “Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)”.

Made 30 May 2014
[PM(BK)R. 11456/13 Jld. 54; PN(PU2)18/XXV]

By Command

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Secretary to the Cabinet